

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 22/02/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 45
Tajuk : ANGKASA perluas konsep koperasi masjid ke luar negara

KOSMO! JUMAAT 22 FEBRUARI 2019

Niaga!



4.0100 / 4.0000	4.5480 / 5280	3.6180 / 6080	Rp 0.02276 / 0226
DOLAR AMERIKA	EURO	YEN JEPUN	RUPIAH INDONESIA
2.9650 / 79570	2.8690 / 2.8530	5.2420 / 2220	12.3400 / 11.9400
DOLAR SINGAPURA	DOLAR AUSTRALIA	POUND STERLING	BAHT THAILAND

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

Angkasa perluas konsep koperasi masjid ke luar negara

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Angkasan Koperasi Malaysia Bhd. (Angkasa) bakal mengembangkan konsep koperasi komuniti melibatkan kariah masjid di luar negara seperti Indonesia, Kemboja, Laos dan Singapura.

Pengerusinya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, koperasi kariah masjid terbukti berjaya menjana pendapatan komuniti setempat di negara ini.

“Kami mempunyai kira-kira 500 koperasi kariah masjid di seluruh negara yang kebanyakan-

nya terlibat dalam aktiviti peruncitan dan perkhidmatan.

“Ada di antara koperasi kariah masjid itu mampu menjana perolehan sehingga RMI juta setahun.

“Antaranya ialah Masjid Geliga dan Masjid Binjai di Kemaman, Terengganu serta Masjid Kepala Batas, Pulau Pinang,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Kepimpinan dan Perniagaan Anggota Koperasi Terengganu di sini semalam.

Sehubungan itu, Abdul Fattah menjelaskan, Angkasa telah men-

dapat permintaan dari komuniti luar negara untuk berkongsi kepakaran untuk menubuhkan koperasi kariah masjid di lokasi masing-masing

“Angkasa melihat potensi besar itu dan berminat untuk berkongsi kepakaran menubuhkan koperasi kariah masjid terutama melibatkan komuniti Islam yang merupakan minoriti di sesebuah negara.

“Ia juga merupakan serampang dua mata bagi memasarkan produk koperasi tempatan berkualiti seperti makanan halal dan kewangan Islam,” katanya.



ABDUL FATTAH (empat dari kiri, depan) bergambar bersama sebahagian daripada peserta Seminar Kepimpinan dan Perniagaan Anggota Koperasi Terengganu di Hotel Permai, Kuala Terengganu semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA